

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]
TARIKH : 30 MAC 2017 (KHAMIS)

SOALAN : 33

YB Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah pihak Kerajaan melalui NADMA menyalurkan bantuan membina semula infrastruktur awam di Kampung Tanjung Kapor, Kudat yang telah mengalami kebakaran mega tahun lalu yang telah menyebabkan keperluan peruntukan khusus untuk membina infrastruktur seperti jalan kampung dan jambatan konkrit serta subsidi bahan binaan untuk mereka membina semula rumah.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Susulan daripada kejadian kebakaran di Kg. Tanjung Kapor, Kudat yang melibatkan sebanyak 208 buah rumah dan 277 keluarga, YAB Perdana Menteri telah meluluskan peruntukan kecemasan berjumlah RM2,000,000 daripada peruntukan Tabung Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN). Peruntukan kecemasan ini adalah bertujuan untuk projek penyusunan semula penempatan dan infrastruktur yang terlibat dalam kejadian kebakaran tersebut. Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) selaku agensi yang bertanggungjawab ke atas Tabung KWABBN telah mengeluarkan Surat Kuasa Pelaksanaan Kerja kepada Pejabat Daerah Kudat melalui surat bertarikh 7 Februari 2017.

Sekian. Terima kasih.